

[INSTITUSI TAREKAT TASAWUF DALAM PEMANTAPAN SPIRITUAL INSAN]

INSTITUTION OF SUFI ORDER IN HUMAN SPIRITUAL EMPOWERMENT

¹ WAN SALEHA WAN SAYED

^{1*} MOHD HASRUL SHUHARI

¹ WAN HISHAMUDIN WAN JUSOH

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam,
Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak,
21300 Kuala Nerus,
Terengganu, MALAYSIA

*Corresponding author: hasrulshuhari@unisza.edu.my

Received Date: 11 April 2020 • Accepted Date: 25 July 2020

Abstract

Sufism is a knowledge discipline which derives from three basic Islamic components along with tauhid and fiqh knowledge. It is a principle of knowledge discussing regarding the cleaning method and purification of soul of an individual Muslim from a mazmumah trait (al-takhalli) and self-prepared method with mahmudah trait (al-tahalli) in order to get the blessing of Allah. It requires a guidance and support from a qualified individual because in order to succeed, there must be many internal and external obstacles will arise that is not easy to be overcome without guidance. Therefore, sufi order is an institution which consists of the practise and the true appreciation of sufism according with the syaikh mursyid's leadership. Meanwhile, this study is purposing in explaining the concept of sufi order to the society with the main focus is to analyse the tarekat approach which is focused to its role in human spiritual empowerment. This is a qualitative approach study. The data collecting method used is a documentation method which refer to the secondary sources. The finding of the study summarised that the sufi order institution is an effective approach in empowering an individual spiritual through the syaikh mursyid's approach in guiding the students (salik).

Keywords: Sufi Order; Mursyid; Purification of Soul; Spiritual Empowerment

Abstrak

Tasawuf merupakan salah satu disiplin ilmu daripada tiga komponen asas ilmu Islam di samping ilmu tauhid dan fikah. Ia adalah bidang ilmu yang membicarakan berkenaan kaedah pembersihan dan penyucian rohani seseorang individu Muslim daripada sifat mazmumah (*al-takhalli*) dan kaedah menghiasi diri dengan sifat mahmudah (*al-tahalli*) dalam usaha untuk sampai kepada keredaan Allah. Ia memerlukan kepada tunjuk ajar dan sokongan daripada individu yang berkeelayakan lantaran dalam proses untuk mencapai kejayaan, sudah pasti akan terbentang pelbagai halangan dan rintangan dalaman mahupun luaran yang tidak mudah untuk diharungi tanpa bimbingan. Dengan demikian, tarekat tasawuf merupakan sebuah institusi yang mengandungi pengamalan dan penghayatan tasawuf yang sebenar melalui pimpinan syaikh

mursyid. Oleh itu, kajian ini bertujuan menjelaskan konsep tarekat tasawuf kepada masyarakat dengan tumpuan utamanya untuk menganalisis pendekatan tarekat yang difokuskan kepada peranannya dalam pemantapan spiritual insan. Kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif. Metode pengumpulan data yang digunakan ialah metode dokumentasi dengan merujuk kepada sumber-sumber sekunder. Dapatan kajian ini menyimpulkan bahawa institusi tarekat tasawuf merupakan satu pendekatan yang efektif dalam memantapkan spiritual individu melalui pendekatan syaikh mursyid dalam membimbing para *salik*.

Kata kunci: Tarekat Tasawuf; Mursyid; Penyucian Jiwa; Pemantapan Spiritual

Cite as: Wan Saleha Wan Sayed, Mohd Hasrul Shuhari & Wan Hishamudin Wan Jusoh. 2020. Institusi tarekat tasawuf dalam pemantapan spiritual insan. *Malaysian Journal for Islamic Studies* 4(2): 55-66.

PENGENALAN

Dalam membincangkan persoalan tasawuf, ia seakan sudah sinonim dengan perkara yang melibatkan perihai dalam yang dinamakan sebagai aspek rohani atau spiritual. Syaikh Abu Yazid al-Bustami menegaskan bahawa tasawuf ialah membebaskan diri dari perlakuan yang mazmumah, memperelokkan diri dengan sifat mahmudah serta menjadikan diri hampir kepada Allah SWT (Mohd Haidhar, 2018). Apabila disebutkan sahaja tasawuf, ia juga tidak lari daripada perbincangan berkenaan tarekat. Hal ini kerana, dalam disiplin ilmu tasawuf, tarekat merupakan rukun kepada tasawuf (Jahid, 2016). Sejarah merakamkan bahawa pengamalan tasawuf pada abad ketiga dan keempat Hijrah adalah berbentuk mencontohi seluruh perihai kehidupan rohani Rasulullah SAW secara individu. Secara lebih jelas, Rasulullah SAW dijadikan sebagai model sufi yang diteladani segenap aspek kehidupan baginda SAW oleh umat Islam pada zaman tersebut. Setelah itu, pada abad kelima dan keenam Hijrah pula, tasawuf telah dikembangkan kepada satu sistem pengamalan berbentuk praktikal. Bertitik tolak daripada itu, institusi tarekat telah muncul pada kurun keenam dan ketujuh Hijrah berbentuk sebuah organisasi dalam usaha pengamalan tasawuf secara lebih praktikal (Agus Riyadi, 2014).

Tarekat merupakan sebuah institusi yang berada di bawah tasawuf yang merujuk kepada jalan yang dilalui untuk mencapai pengukuhan spiritual Muslim. Mutakhir ini, terdapat pelbagai tarekat muktabar yang masyhur pengamalannya dalam kalangan masyarakat seperti tarekat Naqsyabandiyyah, tarekat Ahmadiyyah, tarekat Kubrawiyyah dan tarekat Qadiriyyah. Setiap institusi tarekat sudah pasti mempunyai organisasinya yang terdiri daripada golongan guru yang disebut sebagai syaikh mursyid dan golongan murid yang disebut sebagai *salik*. Di sinilah dilihat besarnya peranan guru untuk membantu para *salik* menerusi tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan dalam usaha memastikan tahap pembinaan dan pembentukan rohani atau spiritual para *salik* sampai kepada matlamat yang hendak dituju (Abdul Hayei, 2004). Tegasnya, tahap pencapaian kemantapan rohani seseorang murid itu bergantung kepada para syaikh mursyid yang membimbing sesebuah pengamalan tarekat. Hal ini kerana, laluan yang perlu ditempuhi oleh para *salik* dalam perjalanan mencapai matlamat adalah penuh dengan rintangan dan cabaran yang sukar diatasi dan diharungi tanpa pimpinan daripada syaikh (Jahid, 2015).

KONSEP TASAWUF

Dari sudut etimologi, asal perkataan tasawuf adalah daripada kalimah bahasa Arab (*tasawwafa-yatasawwafu-tasawwufan*) (Aldi, 2017). Selain itu menurut Nozira Salleh (2017), tasawuf terbahagi kepada beberapa definisi. Pertamanya tasawuf adalah daripada kalimah *suf* yang bermaksud ‘bulu’, iaitu merupakan bulu haiwan yang dihasilkan daripadanya pakaian yang pada zaman dahulu kebiasaannya dipakai oleh golongan tasawuf. Para nabi sangat menggemari pakaian daripada jenis tersebut dan ia juga merupakan simbolik kepada ahli zuhud. Pemakaian mereka sedemikian rupa adalah bermatlamat untuk lebih meningkatkan rasa kehambaan kepada Allah SWT. Keduanya, terdapat juga pandangan yang mengatakan bahawa tasawuf disandarkan kepada al-Ghaus bin Mar bin Ad bin Thabikhah bin Ilyas bin Mazar yang lebih dikenali sebagai Suffah bin Murah. Golongan sufi dinisbahkan kepada beliau kerana keadaan hal ehwal ahli sufi yang sentiasa menyendiri dengan tujuan pengabdian dan ibadah kepada Allah SWT adalah seumpama perbuatan beliau yang selalu menjauhkan diri daripada orang lain dan bersendirian di Masjid al-Haram dengan tujuan bermunajat kepada Allah.

Di samping itu, kalimah *al-saf* juga dikatakan sebagai asal perkataan tasawuf. Kalimah tersebut membawa maksud saf ataupun barisan yang merujuk kepada barisan golongan yang berjuang di gelanggang peperangan mahupun barisan golongan yang mendirikan solat di saf hadapan. Hal tersebut adalah simbolik kepada golongan tasawuf yang gemar berada di barisan hadapan dalam peperangan dan kebanyakan daripada mereka ketika mendirikan solat di masjid sentiasa duduk pada saf hadapan. Makna tasawuf juga dikatakan merujuk kepada hati yang murni dan suci daripada segala akhlak yang batil serta sentiasa bersifat lapang dada dalam usaha menggapai reda Allah SWT yang bersandarkan kepada kalimah *al-safa*. Asal perkataan tasawuf yang berikutnya pula adalah daripada kalimah *ahl al-suffah* yang merujuk kepada kumpulan orang miskin yang mendiami serambi masjid Rasulullah SAW di Madinah kerana mereka tidak memiliki tempat menetap. Golongan tersebut ialah para sahabat dalam kalangan golongan Muhajirin dan Ansar. Walaupun begitu, golongan tersebut tidak lekang dan berterusan dalam melaksanakan ibadat dan munajat kepada Allah SWT. Seterusnya, kalimah *al-safwa* juga merupakan kalimah yang dinisbahkan kepada tasawuf. Namun begitu, pada akhirnya perkataan tersebut telah ditukar menjadi sufi yang membawa maksud menyucikan hati dan jiwa kepada Allah SWT. Penukaran tersebut adalah disebabkan lidah masyarakat Arab agak sulit dalam menyebut perkataan *al-safwa* (Nozira, 2017).

Dalam menjelaskan definisi tasawuf dari sudut istilah pula, pendefinisianannya adalah bergantung kepada kepelbagaian makna yang berbeza-beza berdasarkan pandangan yang dikemukakan oleh ulama-ulama Islam. Dalam mendefinisikan tasawuf, ulama-ulama Islam membuat takrifan berdasarkan kepada pelbagai perspektif, antaranya definisi tasawuf dari perspektif akhlak, perspektif makrifat, perspektif jiwa yang suci dan ibadat, perspektif zuhud serta definisi tasawuf dari perspektif ihsan. Antara ulama Islam yang memberikan pandangannya terhadap definisi tasawuf ialah Syaikh al-Sha'rani yang berpendapat bahawa tasawuf ialah ilmu yang timbul daripada hati golongan wali Allah ketika al-Quran dan al-Sunnah diamalkan oleh golongan tersebut. Imam al-Ghazali pula menegaskan bahawa tasawuf merupakan jalan yang dilalui dengan matlamat penyucian jiwa daripada segala akhlak dan sifat yang tercela agar hati seseorang itu dapat dibersihkan daripada apa-apa jua perkara selain Allah SWT dan hatinya dapat dihiasi dengan ingatan hanyalah kepada Allah SWT (Nozira, 2017).

Selain itu, Syaikh Amin al-Kurdi pula berpandangan bahawa tasawuf merupakan sesuatu yang melaluinya itu seseorang manusia dapat mengetahui perihai baik dan buruk jiwanya, kaedah penyucian jiwa dari segala perkara yang mazmumah dan menghiasinya dengan sifat-sifat mahmudah, kaedah pelaksanaan suluk serta jalan yang dilalui ke arah keredaan Allah SWT dan menjauhi segala larangan-Nya (Muhammad, 2012).

KONSEP TAREKAT

Definisi tarekat boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu definisi tarekat yang umum dan yang khusus. Dalam membicarakan definisi tarekat yang umum, asal kalimah tarekat yang disebut sebagai *tariqah* dalam bahasa Arab adalah daripada kata kerja (*taraqa-yatruqu*) atau (*tariqa-yatraqu*) yang mempunyai kepelbagaian maksud yang berbeza mengikut pengaplikasiannya dalam konteks sesuatu ayat (Jahid, 2015). Menurut Ibn Manzur (t.t), tarekat dari sudut bahasa merujuk kepada jalan, mazhab dan keadaan. Tarekat dari sudut literal pula membawa maksud jalan (Jahid, 2016). Definisi tarekat sebagai 'jalan' adalah seumpama maksud perkataan syariah, sirat, sabil dan manhaj, iaitu kesemua perkataan tersebut menunjukkan makna jalan yang dilalui untuk sampai kepada Allah SWT dengan matlamat menggapai reda Allah melalui pelaksanaan ketaatan dan kepatuhan terhadap segala perintah-Nya (Zakaria, 2016). Pengertian tarekat yang membawa maksud 'jalan' dengan penggunaan kalimah *al-tariqah* telah disebutkan dalam al-Quran, iaitu di dalam surah al-Jin:

وَالَّذِينَ اسْتَفْتَمُوا عَلَى الطَّرِيقَةِ لَأَسْقِيَنَّهُمْ مَاءً غَدَقًا (16)

Maksudnya: “Dan sekiranya mereka tetap berjalan lurus di atas jalan itu (agama Islam), nescaya Kami akan menurunkan kepada mereka itu air (hujan) yang cukup.” (Surah al-Jin, 72: 16)

Sekiranya diamati kepada penafsiran kalimah *al-tariqah* dalam ayat tersebut, didapati bahawa kebanyakan ahli tafsir membuat penafsiran kalimah tersebut sebagai *al-Islam*. Dengan demikian, kalimah *al-tariqah* dan juga kalimah *al-Islam* membawa pengertian yang sama. Menurut Shamsul (2012), makna tarekat yang umum adalah merujuk kepada setiap jenis dan bentuk ibadah yang dilaksanakan oleh seseorang itu bertujuan untuk *taqarrub* kepada Allah SWT. Contohnya seperti dalam ibadat solat, puasa, zakat dan haji. Hal ini kerana, intisari kepada kesemua ibadat tersebut merupakan tarekat atau jalan yang dilalui oleh seseorang manusia untuk mengabdikan pelaksanaan ibadat kepada Allah SWT. Selain daripada ibadat wajib tersebut, makna tarekat yang umum ini turut meliputi ibadat-ibadat sunat yang dilaksanakan seperti bersedekah dan bertafakur. Ringkasnya, tarekat secara umumnya adalah melibatkan penghayatan kehidupan kerohanian dalam diri seseorang itu yang bermatlamat untuk sampai kepada Allah SWT melalui apa-apa cara atau kaedah sekalipun, walaupun tanpa melibatkan sesebuah organisasi kesufian dan tidak melibatkan pimpinan seseorang mursyid.

Dalam membahaskan pengertian tarekat dengan makna yang khusus pula, ia membawa pengertian cara atau kaedah khusus yang dilalui oleh para salik yang bermatlamat untuk sampai kepada Allah SWT. Kaedah khusus yang harus dilalui oleh para salik dalam usaha untuk sampai kepada Allah SWT adalah terdiri daripada cakupan pelbagai kegiatan yang perlu dilaksanakan.

Tiga komponen asas yang terdapat dalam disiplin ilmu tarekat merangkumi syaikh mursyid yang membimbing, murid yang mendapat bimbingan dan kaedah yang tertentu (Faudzinaim, 2015). Dalam disiplin ilmu tasawuf, apabila disebutkan sahaja istilah *al-tariqah*, maka yang terlintas di fikiran adalah ia membawa kepada pengertian suatu organisasi tarekat yang khusus sebagaimana yang sudah makruf dan biasa disebut seperti tarekat Naqshabandiyyah, tarekat Ahmadiyyah dan lain-lain. Pengertian tarekat yang merujuk kepada organisasi-organisasi tersebut dianggap khusus kerana ia sememangnya telah dikhususkan dalam peranan untuk memperbetulkan hal ehwal rohani seseorang murid atau salik yang pada akhirnya menatijahkan seseorang Mukmin itu sebagai seorang *muhsin*, iaitu sampai ke darjat ihsan, seterusnya digolongkan ke dalam kumpulan *muqarrabun* di akhirat kelak (Jahid, 2016). Menurut Barmawie Umari (1961), kalimah tarekat membawa maksud suatu jalan atau kaedah yang perlu dilalui oleh seseorang dengan semata-mata bermatlamatkan menggapai keredaan Allah SWT. Di samping itu, dalam mendapat pencerahan yang lebih jelas dan terperinci tentang tarekat yang khusus ini, al-Jurjani (1985) telah menegaskan pengertian tarekat dengan katanya yang bermaksud:

“Tarekat adalah merujuk kepada sirah, iaitu jalan yang khusus bagi orang-orang yang berjalan menuju kepada Allah yang sudah pasti menghadapi pelbagai halangan dan melalui peningkatan (rohani) dalam pelbagai maqam.”

Selain itu, Jahid (2015) telah menukulkan pandangan Syaikh Najm al-Din Kubra berkenaan dengan pendefinisian tarekat yang khusus dengan katanya yang bermaksud:

“Dan tarekat itu ialah melakukan takwa dan perkara-perkara yang dapat menghampirkan diri kamu kepada Allah yang pasti melalui pelbagai bentuk rintangan dan pelbagai maqam.”

Dalam menyatakan makna tarekat yang khusus ini juga, Shamsul (2012) berpandangan bahawa tarekat yang khusus merupakan satu jalan yang di dalamnya terdapat zikir dan ia mengandungi kaedah-kaedah khusus serta sampainya sanad tarekat tersebut kepada Rasulullah SAW. Dalam erti kata lain, tarekat yang khusus merupakan tarekat ahli sufi. Penggunaan istilah tarekat ini juga masyhur sebagai suatu bentuk organisasi ataupun institusi tarekat yang mencakupi sesebuah kumpulan atau kelompok tertentu. Dalam kelompok tersebut pula terdapat beberapa kegiatan atau amalan khusus yang dipraktikkan, salah satunya ialah zikir yang didahului dengan bai'ah daripada para murid kepada mursyid tarekat tersebut (Sri Mulyati et al., 2005). Ringkasnya, tarekat dengan makna khusus yang merujuk kepada sesebuah institusi khusus adalah dimaksudkan sebagai sebuah institusi kesufian yang mempunyai organisasi terdiri daripada golongan murid yang mendapatkan pimpinan dan bimbingan syaikh mursyid dan ia mempunyai tatacara, kaedah mahupun undang-undang tertentu yang perlu dipatuhi oleh seseorang murid. Dalam erti kata lain, ia juga merujuk kepada golongan murid atau salik yang bernaung di bawah pimpinan seseorang syaikh serta mentaati dan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan dalam perihal suluk serta keseluruhan pengamalan kerohanian dalam sesebuah institusi tarekat (Zakaria, 2016). Menurut Jahid (2016), dalam menjelaskan perkaitan antara tarekat dan tasawuf pula, kedua-dua hal tersebut merupakan dua perkara yang saling berkait

rapat. Hal ini kerana, menurut golongan sufi serta pengamal tasawuf, tarekat adalah sebagai rukun yang sangat mustahak dalam disiplin ilmu tasawuf dan hal tersebut adalah sebagaimana kata-kata Abu Kasim al-Junaidi:

ذكر الله ركن قوي في هذا العلم بل لا يصل أحد إلى الله إلا بدوام الذكر

Maksudnya: “Zikrullah adalah rukun utama dalam ilmu tasawuf ini, bahkan seseorang tidak akan sampai kepada (hakikat dan makrifah) Allah kecuali ia sentiasa berzikir.”

SPIRITUAL INSAN

Kamus Dewan Edisi Keempat mentakrifkan spiritual sebagai suatu perihal yang berkait dengan sifat kerohanian atau kejiwaan. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa rohani adalah perkataan sinonim kepada spiritual. Rohani merupakan satu elemen yang wujud dan hidup dalam diri seseorang manusia dan ia mempunyai posisi yang cukup tinggi dalam diri manusia. Selagi fizikal atau tubuh badan seseorang manusia itu menanggung rohani di dalamnya, maka rohaninya mampu memberikan kesan kepada kehidupan manusia tersebut dan segenap aspek yang berkait dengan kehidupannya. Secara lebih khusus, rohani merupakan ungkapan yang merujuk kepada segenap aspek batin seseorang manusia. Ia merupakan satu elemen yang halus dan tidak dapat disaksikan oleh mata serta hakikatnya hanyalah diketahui oleh Allah SWT. Oleh yang demikian, segala perihal roh meliputi sifat dan komponennya tidak akan pernah mampu untuk diketahui oleh seseorang manusia itu (Siti, 2010).

Manusia hanya mampu mengetahui bahawasanya melalui rohlah mereka berupaya untuk mempunyai pengetahuan tentang sesuatu perkara, berfikir, mempunyai perasaan cinta, perasaan benci dan juga perasaan berkeinginan pada sesuatu. Berpandukan kepada istilah yang terdapat dalam al-Quran yang menjelaskan tentang rohani, dapat dirumuskan bahawa rohani seseorang manusia itu mempunyai roh, akal, nafsu dan hati. Roh memikul peranan sebagai penimbang, nafsu memikul tugas sebagai pendorong dan hati berfungsi sebagai elemen yang membuat keputusan (Siti, 2010). Dimensi spiritual adalah elemen yang cukup penting dalam membentuk karakter dan peribadi seseorang manusia. Begitu juga dalam membentuk keimanan dan ketakwaan dalam diri seseorang individu, aspek spiritual adalah sangat penting (Afifuddin, 2017). Dengan demikian, dilihat besarnya keperluan untuk sentiasa menjaga dan memelihara aspek rohani atau spiritual seseorang individu dalam upaya untuk memastikan akhlak dan moral insan sentiasa berada dalam keadaan yang positif, seterusnya mampu menatijahkan keperibadian yang sejahtera.

PENYUCIAN JIWA MENERUSI TAREKAT TASAWUF

Hati merupakan organ penting dalam diri manusia yang berperanan dalam memandu dan menentukan tindakan seseorang individu sama ada ke arah kebaikan ataupun keburukan (Syariful, 2015). Dengan demikian, jelaslah bahawa perilaku seseorang individu itu akan menjadi baik jika baik hatinya dan perilaku seseorang itu akan menjadi buruk sekiranya buruk hatinya. Bagi mengukuhkan kenyataan tersebut, ia telah dibuktikan melalui hadis Nabi SAW

yang bermaksud: “Ketahuilah bahawasanya terdapat segumpal daging (*mudghah*) pada jasad manusia, apabila baik daging tersebut, maka baiklah keseluruhan jasad dan apabila rosak daging tersebut, maka rosaklah keseluruhan jasad, ketahuilah itu adalah hati.” (Hadis riwayat al-Bukhari).

Oleh yang demikian, dalam usaha menjamin kebaikan hati yang seterusnya mampu menatijahkan rohani atau spiritual yang positif, maka sesebuah institusi tarekat mempunyai guru (mursyid) yang memikul peranan sebagai pengajar, pembimbing dan pemimpin dalam hal ehwal kerohanian seseorang murid. Syaikh mursyid dalam sesebuah tarekat tasawuf merujuk kepada seorang guru yang memberi tunjuk ajar dan bimbingan kerohanian bagi memastikan kehidupan seseorang murid itu terarah ke jalan kebenaran sama ada tanggungjawab membimbing dari aspek zahir mahupun batin. Dari aspek bimbingan zahir, syaikh mursyid bertanggungjawab dalam memberi tunjuk ajar berkenaan perihal pelaksanaan ibadah suluk dengan cara yang sebenar-benarnya mencakupi syarat-syarat mahupun rukun-rukunnya. Dari aspek bimbingan batin pula, syaikh mursyid berperanan dalam membimbing mereka dengan cara membersihkan dan menyucikan jiwa mereka, seterusnya merawat jiwa serta segala penyakit hati yang ada (Syariful, 2015). Kedua-dua aspek bimbingan dari sudut zahir dan batin tersebut adalah dalam usaha membersihkan kekotoran rohani dan menjadikan rohani seseorang murid itu dihiasi dengan kebaikan supaya menuju ke arah yang benar dan diredai Allah SWT bagi menjamin pembentukan keperibadian mahupun spiritual yang unggul.

Dalam pembelajaran dan pengamalan disiplin ilmu tarekat, Jahid (2015) telah menukilkan beberapa prinsip yang terkandung dalam tarekat. Salah satunya ialah takwa. Takwa merujuk kepada mematuhi dan melaksanakan seluruh perintah Allah SWT dan menjauhkan diri daripada perkara yang dilarang oleh Allah SWT. Secara lebih jelas, prinsip takwa dalam tarekat ini membawa pengertian seseorang yang melalui jalan tarekat perlu istiqamah dalam melaksanakan ketakwaan kepada Allah SWT dan selalu berusaha untuk mempertingkatkan tahap ketakwaan dalam dirinya. Dalam menjelaskan prinsip takwa, Syaikh Amin al-Kurdi menegaskan bahawa matlamat daripada seseorang itu melaksanakan amalan zikir kepada Allah SWT ialah agar mampu menggapai sifat ketakwaan pada tahap yang paling *kamil*. Sentiasa istiqamah dalam sifat ketakwaan pula dikatakan sebagai *al-karamah al-ma'nawiyah*, *al-karamah al-haqiqiyah* ataupun *al-karamah al-kubra*. Ketiga-tiga perihal tersebut merujuk kepada sifat sentiasa istiqamah dalam pelaksanaan ketakwaan sehingga menatijahkan keterbukaan hijab hati, memperoleh makrifah serta mampu mengekang dan mengawal diri daripada terjerumus ke dalam tuntutan hawa nafsu dan mampu mengekalkan dan memantapkan iman dalam dirinya selaras dengan kehendak Allah SWT. Istiqamah dalam ketakwaan tersebut adalah perlu daripada kedua-dua sudut zahir dan batin. Maka, menerusi sifat takwa dari aspek zahir dan batin, seseorang murid itu akan bersih hatinya dan mantap jiwanya.

Selain itu, prinsip tarekat yang seterusnya ialah zikrullah dan *muraqabah*. Perihal zikir yang dimaksudkan dalam sesebuah pengamalan tarekat ialah zikir *darajat* yang merujuk kepada zikir yang mempunyai peraturan, adab dan kaedah dalam pelaksanaannya. Pelaksanaan zikir *darajat* dalam sesebuah tarekat adalah melalui zikir yang telah diberi baiah kepada murid oleh syaikh mursyid yang membimbingnya. Perihal *muraqabah* pula merujuk kepada hati atau rohani seseorang murid itu sentiasa sedar secara terus menerus bahawasanya hal ehwal dirinya sentiasa dilihat dan diketahui oleh Allah SWT. Bagi menjelaskan prinsip ini, kebiasaannya pengamalan zikrullah dan *muraqabah* itu dilaksanakan secara serentak. Matlamat kepada zikir

itu ialah mengingati Allah SWT, manakala *muraqabah* pula bertujuan untuk merasakan kewujudan Allah SWT serta sifat-sifat-Nya (Jahid, 2015). Dalam perkaitan antara amalan zikrullah dan penyucian jiwa, Syaikh Ali al-Mursafi menjelaskan bahawa amalan yang paling pantas dan efektif dalam penyucian hati ialah zikir kepada Allah SWT. Hal tersebut sememangnya diakui oleh ahli-ahli tasawuf (Jahid, 2015). Dengan demikian, pengamalan tarekat sememangnya mampu menatijahkan akhlak yang baik dalam diri seseorang individu melalui pendekatan zikrullah yang diamalkan berdasarkan kaedah dan adab tertentu.

Prinsip tarekat yang seterusnya pula ialah khalwat atau suluk. Abdul Qadir (2013) menegaskan bahawa khalwat ialah suatu pengamalan yang dilaksanakan oleh seseorang dengan cara tidak berhubungan dalam tempoh tertentu dengan manusia lain. Dalam masa yang sama, seseorang itu juga mengabaikan seketika segala perihal urusan duniawi. Hal tersebut adalah bagi memastikan hatinya bebas daripada kegiatan hidup yang penuh dengan kesibukan dan dapat merehatkan fikiran daripada bebanan yang sentiasa dipikul dalam kehidupan harian yang sentiasa wujud. Setelah itu, dilaksanakan pula amalan zikir dengan hadir hati dan penuh kekhusyukan sambil bertafakur berkenaan bukti kebesaran Allah SWT pada sepanjang hari, siang dan malam. Pengamalan khalwat dalam tarekat ini mestilah di bawah pimpinan syaikh mursyid '*arif billah*. Mursyid tersebut bertanggungjawab dalam memberi tunjuk ajar kepada murid sekiranya dia jahil. Sekiranya dia lalai, mursyid akan memberi peringatan kepadanya. Di samping itu juga, dalam menjelaskan perihal khalwat, seseorang murid itu perlu sentiasa berzikir dengan berterusan sehingga ingatan hatinya hanyalah ditumpukan kepada Allah SWT semata-mata (Jahid, 2015).

Berdasarkan prinsip-prinsip tarekat yang telah dijelaskan, terbukti bahawa dalam upaya penyucian jiwa seseorang murid menerusi tarekat, ia tidak boleh lari daripada mursyid yang memainkan peranannya. Hal ini adalah sebagaimana yang telah dinukilkan dalam kitab *Tanwir al-Qulub* bahawasanya adalah menjadi suatu kewajipan untuk seseorang murid itu memiliki guru mursyid. Guru tersebut berperanan untuk memimpin para murid dalam tujuan untuk menghapuskan segala noda, kekotoran dan sifat negatif yang terdapat dalam hati nuraninya. Hal tersebut dapat menjadikan murid tersebut hadir hati dan kekhusyukannya dalam melaksanakan sesuatu ibadah. Perkara demikian adalah berdasarkan pandangan yang disepakati oleh para syaikh tarekat (Syariful, 2015). Seterusnya, dalam merungkai peranan dan kepentingan mursyid dalam penyucian jiwa seseorang murid menerusi pengamalan tarekat, mursyid sememangnya diakui sebagai seorang yang memikul tugas sebagai syaikh yang memberi tarbiah kepada para muridnya (*syaikh al-tarbiyyah*). Apa yang dimaksudkan dengan *al-tarbiyyah* ialah didikan rohani melalui jalan *al-takhalli*, iaitu membersihkan atau mengosongkan hati daripada sifat-sifat mazmumah dan *al-tahalli*, iaitu menghiasi atau memenuhi hati dengan sifat-sifat mahmudah (Jahid, 2015). Seorang syaikh mursyid sememangnya berkebolehan dalam mengesan pelbagai penyakit rohani seseorang murid dan syaikh juga berkemampuan dalam merawat penyakit-penyakit tersebut (Syariful, 2015). Tegasnya, syaikh mursyid adalah seumpama seorang doktor yang dikhususkan dalam merawat aspek rohani para murid.

Sebagai kesimpulannya, dapatlah dirumuskan bahawasanya organisasi tarekat tidak dapat tidak terdiri daripada mursyid yang membimbing dan murid yang dibimbing. Jelas difahami juga bahawa kesemua prinsip dan perihal disiplin ilmu tarekat yang telah dinyatakan sebagaimana sebelumnya ialah tidak lain keseluruhannya menjurus kepada penyucian jiwa

seseorang murid. Maka terbuktiilah bahawasanya tarekat sememangnya berperanan sebagai sebuah organisasi yang memandu kepada kemantapan dan keunggulan rohani atau spiritual seseorang individu melalui kaedah-kaedah tertentu yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah menerusi pendekatan syaikh mursyid sebagai orang yang berperanan dan bertanggungjawab dalam memberi didikan, tunjuk ajar dan bimbingan ke arah kebaikan. Peranan mereka turut meliputi tanggungjawab dalam mengingatkan dan membetulkan semula diri para murid menerusi nasihat mahupun tingkah laku ketika mereka alpa sehingga terjatuh ke lembah tipu daya syaitan sepanjang perjalanan menuju keredaan Allah SWT (Jahid, 2015). Tegasnya, kesemua intipati pengajaran institusi tarekat tasawuf adalah berlandaskan tujuan membentuk kemurnian dan kemantapan sahsiah serta jati diri insan dan hal tersebut boleh dicapai menerusi pendekatan syaikh mursyid yang membimbing. Dengan demikian, posisi mursyid dalam sesebuah institusi tarekat adalah menjadi suatu kemestian yang tidak dapat dipertikaikan lagi dalam upaya *tasfiyah al-qulub* atau *tazkiyah al-nafs* diri seseorang individu (Syariful, 2015).

TAREKAT TASAWUF MEMBENTUK SPIRITUAL INSAN

Sesebuah perjalanan kesufian menurut Badiuzzaman Said al-Nursi mampu menjadikan hati individu yang menghayati dan mengamalnya untuk memanfaatkan atau menggunakan anggota badan, iaitu beramal dengan penuh kesungguhan dan menggapai keperibadian yang murni dan sempurna. Secara lebih khusus, pengamalan tarekat yang dijalani oleh seseorang individu juga mampu memberikan titisan-titisan kebaikan pada kehidupan dunia mahupun kehidupan akhirat mereka yang diperoleh daripada keberkatan golongan sufi dan para wali lantaran pengamalan tarekat membolehkan keberadaan mereka untuk sentiasa bersama golongan mulia tersebut. Selain itu, sekiranya diri individu yang berada di jalan tarekat mengenali dan sentiasa mendekatkan diri kepada Allah SWT, maka hal tersebut mampu mengekang diri mereka daripada perasaan sunyi dan dukacita. Tidak hanya itu, individu tersebut juga akan mampu menjalankan ketaatan dalam agama dengan rasa penuh kerelaan dan keikhlasan serta terhindar daripada sebarang keangkuhan mahupun kebinasaan rohani kerana dalam dirinya tidak mempunyai rasa terpaksa untuk melaksanakan suruhan agama. Kehidupan para ahli sufi sentiasa dilimpahi dengan keamanan dan ketenangan lantaran mereka sentiasa merasakan bahawa Allah SWT bersama mereka pada segenap waktu dan seluruh aspek kehidupan mereka diserahkan kepada pentadbiran Allah SWT (Syed Hadzrullathfi & Nurul Aarifah, 2015). Dalam sesebuah kehidupan, sekiranya terdapat kesempurnaan jalinan antara seseorang hamba dengan Tuhannya, maka hal tersebut akan menjadikan jiwa seseorang hamba itu terzahir keperibadian yang baru. Hal sedemikian dapat dirasakan seumpama segenap pemikiran dan langkah perbuatan diliputi oleh hembusan nafas segar yang melingkarinya. Perlu difahami bahawa teras kepada disiplin ilmu tarekat ialah rohani atau spiritual seseorang individu, iaitu pengajaran tarekat yang merangkumi kaedah pembentukan akhlak yang mulia, teladan yang baik dan sebagai ramat kepada seluruh alam (Mubarak, 2014).

Seperti yang telah dijelaskan, tarekat terbina atas asas dan dasar yang terangkum antara struktur organisasi terdiri daripada guru (mursyid) yang membimbing dan murid (salik) yang mendapat bimbingan (Agus, 2014). Kedudukan permulaan seseorang murid dalam pengamalan tarekat adalah umpama biji benih. Kemampuan dan keberhasilan biji tersebut untuk tumbuh dan membesar menjadi pokok dan menatijahkan buah yang baik atau buruk adalah tertakluk

kepada kualitasnya (Syariful, 2015). Seseorang manusia itu perlu sentiasa mengawasi segala bentuk perbuatan dan tingkah laku dirinya agar sentiasa bersih dan suci daripada kepelbagaian kekotoran dan penyakit hati yang sememangnya telah termaktub dalam al-Quran larangan dan pengharamannya seperti sikap cinta akan dunia, hasad, takbur, riak dan sebagainya. Maka perjalanan untuk membersihkan dan menyucikan segala kekotoran tersebut memerlukan kepada seorang doktor rohani (Moh. Isom, 2015). Ini terzahirnya peranan seorang syaikh mursyid sebagaimana doktor perubatan merawat penyakit fizikal seseorang, maka begitu jugalah mursyid yang bertanggungjawab dalam merawat penyakit rohani atau spiritual para murid (Jahid, 2015). Dari sudut psikologinya juga, seseorang individu itu sentiasa memerlukan kepada motivator yang mampu mendekati dan mendampingi ketika rebah untuk terus bangkit dan berdiri serta sentiasa menghembuskan semangat ketika dirinya dalam keadaan normal. Maka dalam sesebuah institusi tarekat, syaikh mursyidlah yang berperanan sebagai motivator tersebut (Moh. Isom, 2015). Dengan demikian hal tersebut mampu menjadikan spiritual seseorang murid itu sentiasa berada dalam keharmonian dan sebarang perilaku tercela dapat diatasi dan dihindari lantaran pendekatan tarekat yang mempunyai mursyid dalam peranan untuk sentiasa memandu dan memimpin para murid ke jalan yang lurus dan benar. Oleh itu, hal demikian pasti menatijahkan keberhasilan spiritual insan yang positif.

KESIMPULAN

Institusi tarekat tasawuf sememangnya dikhususkan untuk penyucian jiwa seseorang individu dengan melalui pendekatan bimbingan daripada syaikh mursyid. Hal tersebut adalah bertepatan dengan prinsip-prinsip tarekat itu sendiri yang menjuruskan pengamalannya kepada kebersihan (*tazkiyah*) dan kesucian (*tasfiyah*) rohaninya, iaitu sifat takwa, zikrullah dan *muraqabah* serta pengamalan suluk atau khalwat. Kesemua perihal tersebut adalah terarah kepada aspek dalaman atau spiritual yang positif dan utuh melalui pimpinan syaikh mursyid. Sekiranya penyakit jasmani mampu dirawat oleh pakarnya iaitu doktor perubatan saintifik, maka penyakit rohani pula pakar yang mampu merawatnya ialah syaikh mursyid. Dengan demikian, posisi seorang syaikh mursyid menerusi bimbingan tarekat adalah sebagai doktor yang bertanggungjawab dalam merawat rohani dan sahsiah para murid yang memikul peranan sebagai mursyid dalam membantu para murid untuk memperoleh kemantapan spiritual yang jitu.

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.
- Abdul Hayei Abdul Sukor. (2005). Syaikh Mursyid di Antara Penghormatan dan Pendewaan. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 18: 127-142.
- Abdul Qadir Isa. (2013). *Haqaiq `an al-Tasawwuf*. Kaherah: Dar al-Maqtum.
- Afifuddin. (2017). Pendekatan Sufistik Dalam Sistem Pendidikan Islam di Perguruan Tinggi Studi Fenomenologis Program Pencerahan Kalbu di Pesantren Mahasiswa UMI Dar al-Mukhlisin Labbakkang Pangkep. *Jurnal Penelitian Sosial Keagamaan*, 11(1): 75-96.
- Agus Riyadi. (2014). Tarekat Sebagai Organisasi Tasawuf (Melacak Peran Tarekat Dalam Perkembangan Dakwah Islamiyah). *Jurnal al-Taqqaddum*, 6(2): 359-385.

- Aldi Gunawan. (2017). Konsep Tasawuf Sosial Prof. Dr. H. M. Amin Syukur, M.A., dan Relevansinya Dengan Tujuan Pendidikan Islam. Tesis M.A., Universiti Islam Negeri Walisongo, Indonesia.
- Barmawie Umarie. (1961). *Sistematik Tasawwuf*. Solo: AL Sitti Syamsiyah.
- Faudzinain Badaruddin. (2015). Sanad Tarekat: Sejauh Manakah Sandaran Kepada Amalan Para Sahabat. Dibentangkan dalam *Seminar Sufi Menurut Pendekatan Wasatiyyah Peringkat Kebangsaan 2015*. 7-8 September 2015, Bangi, Malaysia.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad. (t.th.). *Lisan al-‘Arab*. Jilid 10. Beirut: Dar Sadir.
- Jahid Sidek. (2015). *Shaikh dalam Ilmu Tariqah*. Selangor: al-Falah Publications.
- Jahid Sidek. (2016). Strategi Memasyarakatkan Tarekat Dalam Kehidupan Moden. Dibentangkan dalam *Simposium Tarekat Tasawwuf 2016 Sempena Zikir Perdana Sedunia Pertubuhan Tarekat Muktabar Malaysia (Pertama)*. 21 Mei 2016, Putrajaya, Malaysia.
- Al-Jurjani, Ali bin Muhammad. (1985). *al-Ta’rifat*. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Moh. Isom Mudin. (2015). Suhbah: Relasi Mursyid dan Murid Dalam Pendidikan Spiritual Tarekat. *Jurnal Tsaqafah*, 11(2): 399-416.
- Mohd Haidhar Kamarzaman. (2018). Pengenalan Terhadap Institusi Tasawuf di Malaysia: Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah. Dalam: *Proceeding 3rd International Seminar on Islamic Thought Islam Rahmatan Lil ‘Alamin (Mercy to the World)*. 2018, Bangi, Malaysia. p. 203-219.
- Mubarak. (2014). Peran Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah Dalam Upaya Pencerahan Spiritual Umat di Kota Palu. Tesis M.A., Universiti Islam Negeri Alauddin Makassar, Indonesia.
- Muhammad Hafiiun. (2012). Teori Asal Usul Tasawuf. *Jurnal Dakwah*, 13(2): 241-253.
- Nozira Salleh. (2017). Tasawuf Menurut Perspektif Ahl Sunnah Wa al-Jamaah. Dalam: *Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017*. 11-12 April 2017, Narathiwat, Thailand. p. 189-201.
- Shamsul Mohd Nor. (2012). *Menyelami Samudera Tasawuf*. Selangor: Yamani Angle Sdn. Bhd.
- Siti Nur Fadlilah. (2010). Penyakit rohani dalam perspektif al-Qur’an. *Jurnal Studi al-Qur’an*, 6(1): 47-58.
- Sri Mulyati (ed), Amsal Bakhtiar, Moh. Ardani, Wiwi Siti Sajaroh, Musyrifah Sunanto, Oman Fathurrahman, Ahmad Abrori, Syamsuri, Media Zainul Bahri, Mulyadhi Kartanegara, Fakhruddin & Hamid Nasuhi. (2005). *Mengenal & Memahami Tarekat-Tarekat Muktabarah di Indonesia*. Jakarta: Kencana.
- Syariful Anam. (2015). Kualifikasi Mursyid Dalam Tarekat (Studi Tentang Mursyid Tarekat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah di Kecamatan Wedung). Tesis M.A., Universiti Islam Negeri Walisongo, Indonesia.
- Syed Hadzrullathfi Syed Omar & Nurul Aarifah Musa. (2015). Tarekat Sufi Suatu Keperluan Zaman: Sorotan Pandangan Badiuzzaman Said Al-Nursi. Dalam: *Proceedings of ICIC2015 – International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century*. 6-7 September 2015, Terengganu, Malaysia. p. 412-418.

Zakaria Stapa. (2016). Sanad Tarekat: Sejauh Mana Sandarannya kepada Amalan Para Sahabat. Dibentangkan dalam *Seminar Sufi Menurut Pendekatan Wasatiyyah Peringkat Kebangsaan 2016*. 18 Ogos 2016, Melaka, Malaysia.